



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Berita Harian - 'Tanpa FELDA, Siapalah Saya'

Berita Harian - 'Tanpa FELDA, Siapalah Saya'

🕒 Khamis, Jul 20 2017



→ SAMBUTAN

'Tanpa FELDA, siapalah saya'

➔ Timbalan menteri bercerita kesusahan beri banyak pengajaran

Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Dilahirkan sebagai orang susah, bukanlah penghalang untuk mencapai kejayaan, sebaliknya bergantung pada inisiatif diri sendiri untuk mencari jalan keluar dari kemiskinan.

Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Othman Aziz, berkata kehidupan sebagai sebagai anak peneroka FELDA, sememangnya menepuh pelbagai cabaran, namun beliau tetap bersyukur kerana sukar masa lalu memberi banyak pengajaran kepada dirinya.

Mengimbas detik kesusahan itu,



[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Othman menceritakan kesusahan dan keperitan hidup peneroka FELDA Lubok Merbau, Kedah.

Othman yang berasal dari keluarga petani dari Jerlun, Kedah, mengikut keluarganya berpindah mendiami FELDA Lubok Merbau mulai 1970, selepas terpilih menetap di situ.

Bapa utamakan pendidikan

"Ketika itu, bapa saya diberi RM69.60 untuk menampung kehidupan keluarga terdiri daripada tujuh beradik. Menyedari kehidupan kami yang susah ketika itu, saya berusaha meringankan beban keluarga dengan mencari pendapatan tambahan menerusi kerja sambilan.

"Saya keluar rumah untuk bekerja seawal jam 6.30 pagi dan pulang pada 2.30 petang dengan upah RM6 sehari sebelum mene-

ruskan pekerjaan mengutip kacang." katanya pernah melakukan pelbagai kerja ladang termasuk mengutip kacang penutup bumi dan membuat polibeg.

Katanya, walaupun keluarganya dihipit kesusahan, bapanya sentiasa mengutamakan pendidikan dan menegaskan supaya beliau berusaha memperoleh ijazah dalam pengajian.

"Hasilnya, saya dan lima beradik berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti dan masing-masing kini kami membina kejayaan dengan cara tersendiri," katanya.

Othman menyifatkan, kejayaan dimilikinya kini adalah hasil sumbangan FELDA dan menyeru wara-g peneroka dan keluarga mereka

memanfaatkan segala bantuan disalurkan.

"Ingin saya nasihatkan, kita jangan terlalu berharap kepada kerajaan, sebaliknya usaha kita sendiri yang akan menentukan masa depan. Saya teringat budi dengan FELDA kerana mengajar menjadi orang yang kuat dan berdisiplin," katanya.

Beliau menyifatkan, FELDA kini perlu berdepan cabaran baharu iaitu menarik minat orang muda supaya terbabit dalam pertanian.

"FELDA harus fikirkan bagaimana nak pastikan generasi seterusnya akan meneruskan perjuangan ini sekali gus menghapuskan sikap bergantung kepada sumbangan kerajaan semata-mata," katanya.

Info

FELDA

BK 20/7

→ **Ditubuhkan pada 1 Julai 1956** mengikut Ordinan Kemajuan Tanah 1956 untuk pembangunan tanah dan penempatan semula.

→ **Objektif FELDA** membasmi kemiskinan melalui tanaman sawit dan getah.

→ **Fungsi FELDA** adalah melaksanakan projek pembangunan tanah dan aktiviti pertanian, perindustrian dan komersial sosial ekonomi.



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

